

Protokol: Pemimpin bahagian tidak hayati saranan PM

UM 10 JUL 2000

BALING 9 Julai — Hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mendekatkan pemimpin UMNO dengan ahli-ahli dan rakyat nampaknya masih tidak dapat dihayati oleh kalangan pemimpin parti itu di peringkat bahagian.

Apa yang berlaku semalam pada majlis anjuran UMNO Bahagian Baling yang dihadiri sendiri oleh Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob menjadi saksi semangat mesra rakyat tidak dipraktikkan.

Khalil dalam ucapannya meminta pimpinan bahagian tidak terlalu mementingkan soal protokol apabila menyambut pemimpin dalam usaha mendekati rakyat dan pemimpin.

Belum pun majlis berakhir kedengaran juruacara meminta orang ramai ke dewan sebelah manakala tetamu undangan iaitu Khalil dibawa ke bangunan lain untuk jamuan.

'Pemisahan' antara tetamu kehormat dengan tetamu biasa itu agak mengejutkan ramai ahli UMNO yang menjangkakan majlis sedemikian tidak lagi terikat dengan soal protokol demi mengeratkan pemimpin dan ahli.

Beberapa ketua cawangan

nampaknya 'tidak begitu senang' dengan keadaan itu.

Salah seorang pemimpin cawangan yang enggan disiarkan namanya berkata, ia menunjukkan hasrat kepimpinan tertinggi tidak dapat diterimah dengan betul oleh pemimpin pelapis yang lain.

Bukan sahaja pemimpin cawangan yang hadir kesal dengan keadaan ini malah ada juga wakil media yang terkejut dengan tindakan penganjur 'memisahkan' pemimpin dan ahli.

Pada bulan lalu, kepimpinan UMNO telah menyatakan tekad untuk menyetujui protokol sama ada di peringkat majlis kerajaan mahupun parti bagi mengeratkan hubungan antara para pemimpin dengan rakyat dan ahli parti.

Ini disusuli dengan lawatan Dr. Mahathir ke Perak sempena Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO 3 Julai lalu, tidak melibatkan protokol ketat antara pemimpin dan rakyat.

Pada majlis makan malam parti itu di kediaman Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali, Dr. Mahathir makan semeja dengan veteran UMNO dan ahli masyarakat.